KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

TEKS UCAPAN

YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

MAJLIS PERASMIAN

ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022

20 FEBRUARI 2023 (ISNIN) I 8.00 MALAM

MARDHIYYAH HOTEL & SUITES, SHAH ALAM

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh

Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Yang Berbahagia Dato’ Haji Rosli bin Isa

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

Yang Berhormat Dato’ Haji Haris bin Kasim

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Yang Berbahagia Dato’ Mohamad Razif bin Hj. Abd Mubin

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga dan Alam Sekitar)

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

Yang Berusaha Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor

Ketua Pegawai Eksekutif,

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)

Datuk Bandar dan Yang Di-Pertua,

Dato’-Dato’, Datin-Datin

Para pegawai kementerian dan kerajaan negeri,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan rahmat-Nya, kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul pada malam ini di **Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022**.

2. Pada malam ini, kita meraikan dan mengiktiraf hasil usaha dan komitmen tinggi yang diberikan oleh kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan-badan kerajaan dan organisasi swasta dalam melaksanakan inisiatif pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di kawasan masing-masing menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (*Low Carbon Cities 2030 Challenge* - LCC2030C).

Para Hadirin sekalian,

3. Bandar Rendah Karbon merupakan asas bagi pembangunan bandar lestari di mana masyarakatnya menggunakan teknologi hijau dan mengeluarkan karbon yang rendah untuk mengurangkan kesan ke atas perubahan iklim melalui penggunaan sumber secara efisien dan mengurangkan pembaziran.

4. Umum mengetahui bahawa, pembangunan bandar atau urbanisasi merupakan antara punca utama pelepasan GHG yang menyumbang kepada masalah perubahan iklim global kesan daripada aktiviti seperti pengangkutan, perindustrian dan pembuatan. Menurut laporan UN Habitat, kawasan bandar walaupun hanya meliputi 1 peratus dari muka bumi menghasilkan lebih daripada 70 peratus pelepasan gas rumah kaca dan mewakili 78 peratus daripada keseluruhan penggunaan tenaga dunia.

Dalam hal ini, langkah mitigasi dan adaptasi bagi mengurangkan impak perubahan iklim dan pemanasan global perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

5. Antara yang dilaksanakan, rangka kerja bandar rendah karbon (*Low Carbon Cities Framework* - LCCF) telah diperkenalkan pada tahun 2011 untuk memberi panduan kepada pihak berkepentingan seperti pemaju, pihak berkuasa tempatan (PBT), perancang bandar, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam bagi menerajui konsep pembangunan bandar mampan secara lestari. LCCF juga mendorong pihak berkepentingan untuk menilai semula aspek utama dalam perancangan dan pembangunan projek baharu serta projek sedia ada untuk mengambil kira keperluan bandar rendah karbon.

6. Justeru, perancangan dan pembangunan bandar yang mampan dan transformasi bandar di Malaysia kepada bandar rendah karbon adalah amat penting di samping dapat membangunkan ekonomi hijau tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan serta menarik pelaburan domestik dan antarabangsa.

7. Tambahan pula, ia amat bertepatan dan selaras dengan tonggak pertama dalam konsep 'Malaysia Madani' iaitu Kemampanan dan merupakan salah satu daripada tujuh keutamaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan menyasarkan kewujudan 200 zon rendah karbon dan 1,000 Rakan Kongsi Rendah Karbon di seluruh negara menjelang 2030.

8. Adalah penting untuk negara terus komited dan progresif dalam menangani isu perubahan iklim bagi mencapai **aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050** tertakluk kepada hasil pembangunan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategy*/LT-LEDS) negara.

Para Hadirin sekalian,

9. Bagi meningkatkan penglibatan PBT dalam program LCCF dan mempercepatkan transformasi bandar di Malaysia ke arah bandar rendah karbon, program *Low Carbon Cities 2030 Challenge* atau LCC2030C telah dilancarkan pada 2019. Inisiatif ini mengukur kadar pelepasan gas rumah kaca bagi lima (5) elemen, iaitu tenaga, air, sisa, pengangkutan dan kehijauan atau penyerapan karbon. Sebagai entiti yang berada di peringkat pentadbiran yang paling dekat dengan rakyat, PBT perlu memainkan peranan penting dan aktif dalam meningkatkan kesedaran dan pembudayaan lestari, mengambil kira pandangan rakyat setempat dan melibatkan komuniti secara aktif dalam melaksanakan pembangunan yang mampan dan inklusif.

10. Di samping itu, bagi memperkukuhkan kerangka pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon dengan lebih sistematik serta mencapai sasaran pengurangan karbon yang jelas, Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara atau *National Low Carbon Cities Masterplan* dengan singkatan NLCCM telah dilancarkan pada tahun 2021 bagi memberi panduan yang lengkap kepada Kerajaan Negeri dan PBT dalam membangunkan bandar rendah karbon di kawasan pentadbiran masing-masing.

11. Dokumen NLCCM ini akan membantu pihak PBT untuk menetapkan hala tuju dan pendekatan yang bersesuaian dengan konsep bandar rendah karbon ke arah mencapai sasaran pengurangan gas rumah kaca meliputi keseluruhan aktiviti perbandaran dan kawasan pentadbiran PBT. Kementerian ini juga akan mengadakan sesi libat urus melibatkan kerajaan negeri dan PBT-PBT mengikut zon pada tahun ini bagi memberi penerangan mengenai pelaksanaan NLCCM.

12. Sesungguhnya, peranan negeri dan PBT adalah amat penting bagi merancang pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur persekitaran sesebuah bandar dalam merealisasikan aspirasi ke arah bandar rendah karbon. PBT juga diharap dapat membantu dalam melaksanakan inisiatif pelestarian persekitaran peringkat kebangsaan dan tempatan yang menekankan penggunaan tenaga lestari, mobiliti rendah karbon dan sistem pengangkutan yang bersepadu, pengurusan sisa, kitar semula dan kecekapan air serta pembinaan bandar berdaya tahan dari segi ekonomi, fizikal dan sosial dalam menghadapi apa jua bencana pada masa akan datang. Insya Allah, proses peralihan dan transformasi bandar rendah karbon bakal memberi impak yang positif kepada kita semua dalam mengurangkan kesan perubahan iklim.

Para Hadirin sekalian,

13. Untuk makluman, negeri Selangor adalah antara negeri terawal melaksanakan rangka kerja bandar rendah karbon LCCF dalam perancangan bandar secara menyeluruh di kesemua PBT dalam memastikan perancangan untuk mengurangkan pelepasan karbon di peringkat negeri.

14. PBT, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan juga Jabatan/Agensi Negeri yang lain di negeri Selangor juga giat melaksanakan program-program ke arah melestarikan alam sekitar merangkumi kempen-kempen kesedaran, pendidikan dan amalan gaya hidup lestari serta program-program menghijaukan persekitaran serta memanfaatkan teknologi hijau dalam pembangunan negeri. Tahniah diucapkan! Perkara ini wajar dicontohi oleh negeri dan PBT yang lain diseluruh Malaysia.

Para Hadirin sekalian,

15. Kata madah bahasa, *"ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua"*. NRECC tidak akan dapat melaksanakan pelbagai inisiatif bandar rendah karbon tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak. Justeru, kerjasama strategik antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan PBT akan terus diperkasa bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan program berkaitan pembangunan bandar rendah karbon di Malaysia selaras dengan *whole of nation approach*.

16. Semua pemegang taruh diseru untuk bersama-sama menyumbang kepada agenda perubahan iklim negara dan mengarus perdana isu tersebut dalam rancangan pembangunan dan pelaksanaan dasar negara.

17. Lantaran itu, majlis pada malam ini diadakan untuk mengiktiraf peranan PBT dan rakan kongsi rendah karbon melalui penyertaan program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 bagi tahun 2022 di samping beberapa kategori khas diperkenalkan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada PBT-PBT lain mencapai objektif pengurangan GHG yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya di peringkat perbandaran.

18. Pengiktirafan yang akan disampaikan adalah seperti yang berikut:

    i. penganugerahan **11 *Provisional Certificate*** bagi penyertaan yang berjaya membangunkan data penanda aras;

    ii. penganugerahan **75 Pengiktirafan *Diamond*** bagi pencapaian pengurangan pelepasan GHG; dan

    iii. penganugerahan **3 Pengiktirafan Reka Bentuk *Diamond*** yang berpotensi mengurangkan kadar pelepasan GHG melalui pelaksanaan strategi bandar rendah karbon di peringkat reka bentuk.

19. **Pengurangan pelepasan GHG** yang dicatatkan **pada tahun 2022** adalah sebanyak **209,214 tan karbon dioksida setara** dan **jumlah penyerapan karbon (*carbon sequestration*)** yang dicapai melalui inisiatif ini juga adalah sebanyak **29,622 tan karbon dioksida yang bersamaan dengan penanaman 5.2 juta batang pokok**.

20. Sebagai penutup bicara, saya mengucapkan tahniah kepada semua PBT, badan-badan kerajaan dan organisasi swasta yang mendapat pengiktirafan pada hari ini. Penyertaan anda semua adalah testimoni komitmen di peringkat negeri dan perbandaran yang akan memacu agenda bandar rendah karbon di Malaysia. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang berusaha gigih untuk menjayakan majlis ini.

21. Dengan lafaz Bismilahirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022.

Sekian, terima kasih.